

**KUPASAN TERHADAP KRITIKAN TERPILIH RENATO CONSTANTINO:
ANTARA KONFLIK DENGAN PELESTARIAN IDENTITI DALAM PENDIDIKAN
DI FILIPINA, 1901- 1935**

***UNPACKING THE SELECTIVE CRITICISMS OF RENATO CONSTANTINO:
BETWEEN CONFLICTS AND PRESERVATION OF IDENTITY IN EDUCATION IN
THE PHILIPPINES, 1901-1935***

Nur Dayana Mohamed Ariffin
Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Sistem pendidikan di Filipina digambarkan oleh Renato Constantino, sejarawan ulung negara tersebut, sebagai punca terhadap kekeliruan jati diri bangsa merdeka di Filipina dan pelbagai krisis dalaman yang dihadapi mereka. Constantino, sebagai seorang sejarawan ‘haluan kiri’ banyak mempersoalkan adaptasi pemikiran kolonial dan sikap tidak kritis terhadap kesan ‘Amerikanisasi’ hasil pembentukan sistem pendidikan moden Filipina sewaktu di bawah rejim Amerika Syarikat (1898-1946). Kajian ini tertumpu kepada zaman pemerintahan Amerika Syarikat di Filipina, bermula dari penubuhan Jabatan Arahan Awam pada tahun 1901 yang banyak mempengaruhi dan memainkan peranan besar dalam pembentukan polisi-polisi pendidikan di Filipina, dan diakhiri dengan bermulanya era kerajaan interim atau Kerajaan Commonwealth pada tahun 1935 yang diasaskan sebelum kemerdekaan mutlak dicapai pada tahun 1946. Kajian ini mengemukakan hujah bahawa konflik di Filipina boleh difahami melalui perbincangan penuh kontroversi Constantino.

Kata kunci: Filipina, Pendidikan, identiti, Amerika Syarikat, Renato Constantino

Abstract

The education system in the Philippines has been argued by one of its most prominent historians, Renato Constantino, as the root of confounding national identities in the post-independence Philippines and the multitudes of the internal crisis faced by the country. Constantino was regarded as a “left-wing” scholar, raising difficult questions on the nation’s adaptation of colonial thoughts and the uncritical approach to Americanisation, a result of the education model introduced by the administration of the United States (1898-1901). This study focuses on American rule in the Philippines from the establishment of the Department of Public Instruction in 1901 which had formed and implemented education policies in the country to the founding of the Commonwealth government in 1935, an interim government before the United States granted full independence to the Republic of the Philippines in 1946. This paper proposes that conflicts in the Philippines can best be understood through a critical reading of Constantino’s controversial and critical works. Additionally, this paper also stresses discussion on the interconnectedness between political problems, social issues, and post-colonial education which had affected the Philippines, and in general many formerly colonized nations.

Keywords: The Philippines, education, identity, the United States, Renato Constantino

Pengenalan

Republik Filipina yang dikenali hari ini merupakan hasil penjajahan dan konflik dengan dua kuasa kolonial: Sepanyol (1521-1898) dan Amerika Syarikat (1898-1946). Kedua-dua kuasa kolonial ini banyak meninggalkan kesan terhadap struktur sosiobudaya, ekonomi dan politik Filipina, terutama dalam sistem pendidikan.¹ Pendidikan di Filipina moden banyak berteraskan sistem yang diperkenalkan oleh rejim Amerika Syarikat sewaktu penjajahan mereka bermula pada tahun 1898-1946. Dalam sistem pendidikan di Filipina, masih wujud ciri-ciri pendidikan Amerika terutama di peringkat sekolah. Ini jelas sekali boleh dilihat melalui penetapan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib di sekolah selain bahasa Tagalog. Di samping itu, kebanyakan universiti awam dan swasta juga menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan. Walaupun pendidikan di Filipina banyak melalui evolusi dan perubahan mengikut zaman, diskusi ini ingin mengetengahkan konflik identiti yang terhasil daripada perubahan yang dibawa oleh Amerika Syarikat, terutama dalam pembentukan jati diri dan identiti bangsa Filipina. Kajian ini juga membincangkan usaha dan syor penyelesaian untuk mengharmonikan konflik tersebut.

Konflik dalam pendidikan dan pembentukan jati diri bangsa Filipina dalam kajian ini dinukilkan daripada hujah-hujah utama seorang tokoh sejarawan ulung Filipina, Renato Constantino (1919-1999). Constantino merupakan seorang pengkritik sosial, wartawan dan sejarawan Filipina yang dikenali dengan komentar beliau terhadap gerakan populis dan nasionalisme negara yang dianggap telah menyisihkan sebahagian rakyat dan terpesong jauh daripada pembentukan negara merdeka yang sepatutnya bebas dari kesan kolonialisasi. Constantino merupakan seorang figura yang banyak mengundang perhatian dan pengawasan daripada pihak berkuasa. Beliau pernah berkhidmat sebagai editor bagi akhbar pelajar Universiti Filipina, *Philippine Collegian* (1939-1941), setiausaha eksekutif bagi delegasi Filipina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1946-1949), kurator Muzium Peringatan Lopez (1960-1972) dan pensyarah di Universiti Filipina serta beberapa universiti di Eropah dan Asia Tenggara (1950-an hingga 1980-an).²

Sebagai editor *Philippine Collegian*, sebuah akhbar pelajar Universiti Filipina, gerak-geri beliau dipantau dan akhirnya ditangkap oleh polis Amerika Syarikat di Manila pada tahun 1939. Sebagai editor akhbar yang sama, beliau juga pernah ditahan reman dan disoal siasat atas arahan Presiden Manuel Quezon yang mengetuai kerajaan interim negara tersebut sebelum kemerdekaan mutlak daripada Amerika Syarikat yang juga dikenali sebagai Kerajaan Commonwealth yang ditubuhkan pada 1935.³ Antara perkara yang sering dibangkitkan oleh Constantino adalah menilai sejarah dengan kritis dan bukannya romantis, konsep kemerdekaan minda, pembentukan identiti peribumi dan pemansuhan polisi-polisi yang memihak kepada golongan elit yang memerintah negara. Jelas, perkara-perkara yang diketengahkan oleh Constantino mendapat tentangan dan tidak disenangi pihak berkuasa kerana ia mempersoalkan semangat nasional yang dipopularkan pada waktu itu dalam usaha Filipina mencapai kemerdekaan.⁴

Kajian ini akan mengupas pembentukan pendidikan di Filipina antara tempoh institusi pendidikan Amerika Syarikat pertama kali ditubuhkan di Filipina pada tahun 1901, dan pembentukan Kerajaan Commonwealth pada tahun 1935 melalui lensa dan pemerhatian Constantino yang banyak mengusulkan persoalan identiti dan pembentukan jati diri bangsa Filipina. Constantino menekankan sentimen antipenjajah, antiimperialis dan pembentukan jati

diri yang berlandaskan nilai-nilai teras. Menggunakan hujah-hujah utama Constantino, kajian ini akan menyusuri sejarah dan falsafah pendidikan Amerika Syarikat di Filipina untuk melihat bagaimana konflik identiti dalam pendidikan mula wujud pada zaman tersebut. Analisis ini akan memfokuskan (tetapi tidak terhad kepada) dua karya beliau iaitu ‘Mis-education of the Filipino’ yang diterbitkan dalam *Journal of Contemporary Asia* pada tahun 1970 dan ‘Identity and consciousness: The Philippine experience’, dalam jurnal yang sama pada tahun 1976.⁵

Antara hujah yang akan diketengahkan dalam kajian ini ialah sejarah dan motif sistem pendidikan Amerika Syarikat di Filipina serta ‘pengamerikaan bangsa Filipina; pertikaian mengenai erti dan ciri-ciri ‘bangsa Filipina’ mengikut sistem pendidikan Amerika Syarikat. Pada bahagian akhir, kajian ini akan membuat rumusan terhadap kepelbagaiannya percanggahan pendapat mengenai identiti serta harapan untuk kemajuan dan kemerdekaan yang mutlak buat Filipina. Objektif kajian ini adalah untuk mendalami masalah pendidikan selepas merdeka di Filipina. Penumpuan terhadap isu jati diri dan identiti tidak hanya relevan terhadap bangsa Filipina bahkan menjadi penimbang kepada diskusi yang lebih luas tentang isu ini di serata Asia Tenggara. Pemahaman konsep kemerdekaan dan lebih kritikal lagi, kemerdekaan minda dan perumusan dasar moden yang tertakluk kepada kehendak rakyat tempatan dan bukannya dibendung atau terbatas oleh rangka pemikiran kolonial merupakan antara dilema masyarakat pascakolonial. Pendidikan dilihat sebagai satu landasan bagi wacana identiti dan menjadi refleksi buat negara yang telah mencapai kemerdekaan. Justeru, dari semasa ke semasa, persoalan hala tuju dan falsafah di sebalik pendidikan bagi negara pascakolonial wajar dibincangkan.

Pendidikan di Filipina

Pemerintahan Teokrasi Sepanyol dan Pendidikan Golongan Mubaligh

Sepanyol memulakan penjajahan mereka ke atas Filipina secara berperingkat. Pada tahun 1521, Ferdinand Magellan berlabuh di San Lazaro untuk meneroka potensi kepulauan tersebut, namun petempatan Sepanyol hanya mula dibuka di Cebu pada tahun 1565.⁶ Sehingga kekalahan mereka dengan Amerika Syarikat semasa Perang Sepanyol-Amerika pada tahun 1898, Sepanyol memerintah kepulauan Filipina dengan secara teokrasi. Walaupun tujuan utama Filipina dijajah adalah untuk mendapatkan sumber asli seperti emas dan timah, serta lokasi kepulauan tersebut yang strategik bagi perdagangan dengan China dan Mexico, Sepanyol menekankan kepentingan evangelisasi untuk mengubah cara hidup/fikir penduduk tempatan. Proses dakwah dan evangelisasi oleh mualigh Sepanyol meluas ke serata Filipina, kecuali di utara Cordillera, di mana masih ramai yang berpegang kepada kepercayaan animisme dan tradisional, begitu juga di Mindanao dan Sulu yang diperintah oleh sultan-sultan beragama Islam. Secara puratanya, penduduk Filipina ramai menerima dakwah Sepanyol dan memeluk agama Kristian Katolik.⁷ Sepanyol amat mementingkan asimilasi penduduk tempatan ke dalam budaya dan agama mereka. Walaupun begitu, mereka percaya bahawa ada hierarki yang membezakan orang Sepanyol tulen, golongan *mestizo* (campuran Sepanyol dan peribumi Filipina) dan Filipina tulen. Selama 300 tahun, Filipina diperintah dan dibentuk oleh falsafah perbezaan kaum dan teokrasi Sepanyol.

Antara perubahan yang diperkenalkan oleh Sepanyol boleh dilihat dalam sistem pendidikan. Golongan mubaligh yang ditugaskan ke serata daerah dan kampung-kampung diberi tanggungjawab untuk mendakwah dan mendidik penduduk tempatan tentang ilmu Kristian Katolik. Sehingga tahun 1778, pendidikan di Filipina adalah secara amnya cenderung kepada ilmu Injil dan dikawal oleh gereja. Selepas tahun 1778, berlaku reformasi ekonomi yang dipelopori Gabenor-General baru Sepanyol ke Filipina, José de Basco y Vargas. Vargas memperkenalkan pembaharuan dalam pelbagai kegiatan ekonomi, terutama sekali dalam perdagangan dan pertanian. Vargas berpendapat bahawa kegiatan ekonomi yang membangun boleh dicapai dengan perubahan dalam pendidikan. Beliau juga berusaha untuk memperkenalkan sains ke dalam kurikulum sekolah di Filipina. Namun begitu, usaha beliau dalam pendidikan tidak membawa hasil. Walau bagaimanapun, Manila berkembang pesat sebagai pusat perdagangan di bawah kepimpinan Vargas. Kesannya, ramai pedagang asing masuk ke Filipina. Manila terus membangun menjadi bandar metropolitan.

Walaupun sistem pendidikan tidak mengalami apa-apa perubahan di peringkat sekolah, golongan mubaligh yang datang ke Filipina untuk tujuan dakwah dan penyelidikan banyak menyumbang kepada pembinaan universiti dan kolej terawal di negara itu. Penyelidik dari golongan mubaligh memulakan kegiatan intelektual di Filipina sejak abad ke-16, dan giat mengundang ahli sains dari Jerman, Perancis dan Belanda untuk turut terlibat dalam penyelidikan. Antara bidang yang diperkenalkan dan popular dalam kalangan golongan mubaligh ialah geologi, botani, zoologi, perubatan dan etnologi.⁸ Kehadiran golongan mubaligh ini juga membentuk sekumpulan kelas elit dari kalangan mestizo dalam sistem universiti. Kebanyakan kaum *mestizo* ini hasil daripada perkahwinan lelaki Sepanyol dengan wanita tempatan, justeru mereka mendapat kelebihan untuk ke sekolah dan melanjutkan pengajian di universiti-universiti terkenal di serata Manila seperti Universiti Ateneo de Manila dan Universiti Santo Tomas. Pada abad ke-19, terdapat ramai dalam kalangan kelas *mestizo* elit ini mula mempertikaikan hierarki kaum yang digariskan oleh kerajaan kolonial Sepanyol. Mereka percaya kepada konsep egalitarian dan ekuiti, serta ingin memperjuangkan nasib Filipina supaya Raja Sepanyol memberikan hak dan mandat kepada rakyat Filipina sendiri untuk memerintah.. Golongan ini dikenali sebagai *ilustrado*, bererti ‘yang menyuluh’; nama yang diberi oleh pemimpin mereka, José Rizal bagi keupayaan mereka untuk membawa Filipina keluar dari era kegelapan pemerintahan Sepanyol yang teokratik dan kuno.⁹

Secara umum, falsafah pendidikan Sepanyol di Filipina adalah untuk mengasimilasi penduduk tempatan dan mengajar mereka untuk menghormati Gereja Katolik dan Raja Sepanyol. Walaupun beberapa reformasi cuba diperkenalkan, termasuk oleh Vargas dan *ilustrado* dalam kalangan *mestizo* elit, tidak banyak yang berubah dari segi asas dan teras sistem pendidikan. Sepanyol menghasilkan ramai golongan cerdik pandai dan profesional dalam kalangan rakyat Filipina, seperti José Rizal dan Andres Bonifacio, yang akhirnya mengkritik dan menentang kekejaman Sepanyol. Kelebihan universiti dan sekolah evangelis yang diperkenalkan Sepanyol hanya mampu mengubah segelintir rakyat Filipina dan menghasilkan golongan elit dalam kalangan *mestizo* yang bertutur dalam bahasa Sepanyol, yang mempunyai jurang yang ketara dengan golongan peribumi Filipina yang bertutur dalam dialek tempatan.¹⁰

Reformasi Pendidikan Amerika Syarikat

Kedatangan Amerika Syarikat ke Filipina bukanlah sesuatu yang dijangka oleh Kongres sewaktu perperangan dengan Sepanyol pada tahun 1898. Presiden William McKinley sendiri menyatakan beliau amat terkejut dan gentar akan penaklukan Filipina yang seperti ‘jatuh ke riba’.¹¹ Sejak tahun 1899, sewaktu Perjanjian Paris ditandatangani antara Sepanyol dan Amerika Syarikat, sehingga ke tahun 1902, Amerika Syarikat dan beberapa golongan pemberontak Filipina terlibat dalam satu perperangan yang dikenali sebagai Perang Filipina-Amerika. Kemenangan Amerika Syarikat dicapai secara berperingkat, dan pada 1901, beberapa institusi kerajaan ditubuhkan bertujuan memerintah dan mengawal Filipina sebagai aset baru Amerika Syarikat di bawah nasihat Suruhanjaya Taft. Menurut Suruhanjaya Taft, beberapa pembaharuan harus diterapkan dalam kerajaan baru Amerika Syarikat di Filipina, antaranya penubuhan satu kerajaan dengan dua dewan legislatif dan pembukaan sekolah rendah di semua daerah secara percuma.

Amerika Syarikat berusaha untuk memadamkan legasi Sepanyol di Filipina, terutama di peringkat pendidikan. Bagi Amerika Syarikat, Sepanyol melambangkan kemunduran daripada dunia lama (*Old World*) manakala Amerika Syarikat adalah simbol kemajuan dan pembaharuan dari dunia baru (*New World*).¹² Amerika Syarikat juga tidak bersetuju untuk menyambung sepenuhnya legasi pendidikan Katolik Sepanyol, kerana kebanyakannya pegawai Amerika yang bertugas di Filipina ialah penganut Gereja Protestan atau Metodis, bukan Katolik. Amerika Syarikat juga percaya bahawa imperialisme secara tradisional ialah satu tindakan yang bercanggah dengan konsep kemerdekaan, kebebasan dan kesamarataan yang menjadi asas kepada penubuhan Amerika Syarikat. Justeru mereka mengubah pemerintahan ke atas Filipina dengan menekankan polisi *benevolent assimilation* yang menitikberatkan proses ‘Amerikanisasi’ yang dipercayai membawa faedah kepada rakyat Filipina. Amerika Syarikat juga berjanji akan membimbing Filipina untuk menjadi negara moden yang cekap dalam pentadbiran di bawah kerangka sosiopolitik Amerika sebelum Filipina diberi mandat penuh untuk memerintah dan mencapai kemerdekaan. Menurut Joseph Ralston, ‘Amerikanisasi’ adalah penting untuk semua rakyat Filipina, namun tidak dinafikan ia perlu ditujahkan kepada golongan bukan Kristian/ Hispanik yang tidak menerima asimilasi Sepanyol dan kemungkinan akan bergolak dengan pendidikan Amerika Syarikat.¹³ Proses ‘Amerikanisasi’ ini jelas menunjukkan niat Amerika Syarikat untuk mengubah landskap politik, ekonomi dan pendidikan di Filipina. Ia juga boleh dihujahkan sebagai satu usaha Amerika Syarikat untuk membentuk Filipina sebagai negara bersekutu di Asia Pasifik.¹⁴

Kesan polisi *benevolent assimilation* boleh dilihat dalam reformasi pendidikan yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat. Pada peringkat awal sewaktu perperangan Filipina-Amerika Syarikat, tentera Amerika Syarikat yang diketuai General Elwell Stephen Otis mula menubuhkan sekolah-sekolah percuma yang tertumpu di sekitar Manila. Waktu itu, kebanyakannya tenaga pengajar daripada golongan tentera. Otis mengambil inisiatif untuk mengolah kurikulum dan menempah buku teks tanpa merujuk penasihat di Washington. Tujuan utama pendidikan pada peringkat ini, mengikut Otis, adalah untuk mempamerkan kebaikan Amerika Syarikat dan memenangi kepercayaan orang tempatan.¹⁵

Era pendidikan warga tentera berakhir setelah tertubuhnya kerajaan sivil pada 1 September 1901 yang dipelopori wakil daripada Suruhanjaya Taft. Antara gerakan awal suruhanjaya tersebut adalah untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang komprehensif di seluruh Filipina, lalu Jabatan Arahan Awam (JAA) ditubuhkan pada tahun yang sama di bawah Akta 74 Suruhanjaya Filipina. JAA memperluas pengaruhnya sehingga hampir setiap bahagian

kepulauan tersebut, meneruskan usaha tentera Amerika Syarikat yang sebelum ini hanya tertumpu di Manila.

JAA dipertanggungjawabkan untuk memilih buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah dan menggubal satu kurikulum yang sesuai untuk mencapai matlamat *benevolent assimilation*. Mereka juga berperanan dalam mengawasi setiap sekolah kerajaan yang dibina. Ketika di bawah pentadbiran kerajaan sivil, tenaga pengajar dari Amerika Syarikat dibawa masuk dengan kadar yang ramai oleh sebab Filipina kekurangan guru-guru berkemahiran dan boleh berbahasa Inggeris. Pada tahun 1901 sahaja, 600 orang guru dari Amerika Syarikat dibawa masuk ke Filipina untuk mengajar di sekolah-sekolah. Kumpulan guru yang terawal ini dikenali sebagai *Thomasites*, untuk memperingati kedatangan mereka dengan kapal *USS Thomas* pada tahun tersebut. *Thomasites* menjadi pengasas kepada tenaga pengajar di Filipina dengan melatih orang tempatan yang layak untuk menjadi pembantu guru atau pelapis tenaga pengajar¹⁶. Walaupun Amerika Syarikat berusaha untuk membawa ramai guru ke Filipina dari tahun ke tahun, negara itu masih mempunyai masalah kekurangan guru untuk menampung beban pengajaran di banyak sekolah rendah dan sekolah menengah yang pesat dibina sekitar tahun 1901 hingga 1910. Hal ini demikian kerana ramai guru di Amerika Syarikat berasa risau untuk berhijrah ke Filipina setelah mendapat khabar berita bahawa keadaan di pedalaman masih bergolak dan tidak sesuai untuk guru-guru Amerika. Tambahan pula, gaji guru adalah agak rendah berbanding di Amerika Syarikat dan kerajaan pusat di Manila berusaha keras untuk membayar gaji guru-guru yang sedia ada. Pada tahun 1903, kerajaan sivil Amerika Syarikat di Filipina memperkenalkan *pensionado*, satu inisiatif untuk mengawal krisis kekurangan guru dengan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berkebolehan untuk belajar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti di Amerika Syarikat. Setelah pulang ke tanah air, pelajar-pelajar ini akan diserap ke dalam perkhidmatan awam.¹⁷

Peranan lain DPI juga adalah untuk menggubal dasar-dasar penting bagi menerapkan sistem pendidikan Amerika Syarikat di Filipina dalam jangka masa panjang.¹⁸ Sebagai contoh, bahasa Inggeris diperkenalkan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan universiti menggantikan bahasa Sepanyol dan pertukaran bahasa pengantar ini diharap dapat melahirkan generasi rakyat Filipina yang fasih berbahasa Inggeris dan berkemahiran untuk mempelajari ilmu sains, teknologi, perundangan dan perdagangan dari Amerika Syarikat. Jelas tindakan ini secara tidak langsung menyisihkan asas pemikiran Sepanyol yang disemai sejak beratus-ratus tahun dahulu.¹⁹

Laporan oleh General John Eaton pada tahun 1902 menggambarkan bahawa ‘kemahiran berbahasa Inggeris oleh penduduk tempatan adalah amat membanggakan’.²⁰ Penggunaan bahasa Inggeris ditekankan bukan sahaja di sekolah, bahkan juga kepada warga Filipina yang berminat untuk menjadi pegawai kerajaan. Menurut Eaton, dalam tempoh pentadbiran Amerika Syarikat, sebanyak 70 hingga 80 dialek tempatan disisihkan daripada penggunaan harian setelah digantikan dengan bahasa Inggeris.²¹ Walaupun penggunaan bahasa Inggeris meluas dari segi teori, realitinya, dari segi perlaksanaan, tidak semua kanak-kanak berpeluang untuk ke sekolah atas sebabkekangan ekonomi. Mereka juga terpaksa bekerja walaupun sekolah rendah diberikan percuma. Keadaan ini bertambah buruk apabila wujud persepsi dan ketidakpercayaan ibu bapa terhadap sekolah yang dibina oleh Amerika. Kritikan Constantino bakal dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab ini.

Selain persekolahan dan penggunaan bahasa Inggeris, Amerika Syarikat juga membawa perubahan dalam sistem pendidikan tinggi. Mereka memperkenalkan latihan industri dan akademik. Amerika Syarikat juga telah menubuhkan Universiti Filipina pada tahun 8 Jun 1908 di bawah Akta 1870 Majlis Perwakilan Filipina (*Philippine Assembly*) atas usul daripada Setiausaha JAA pada waktu itu, William Morgan Shuster.²² Objektif penubuhan universiti ini adalah untuk menjadi pusat latihan dan pengajaran kepada warga Filipina yang berkebolehan dan boleh diasah sebagai lapisan elit yang bakal memerintah Filipina selepas mencapai kemerdekaan. Kurikulum dan asas falsafah kemanusiaan di universiti ini banyak dipengaruhi oleh universiti-universiti di Amerika Syarikat dan ramai graduan ijazah sarjana muda di institusi ini dihantar ke Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran mereka.²³

Sistem pendidikan Amerika Syarikat di Filipina banyak membawa perubahan positif, terutama dari segi kemudahan sekolah yang diperluas ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Infrastruktur sekolah juga memberangsangkan, malah banyak sekolah dibina untuk memastikan semua lapisan masyarakat menerima pendidikan percuma. Ini jelas kelihatan dalam Jadual 1 yang menunjukkan peningkatan jumlah sekolah rendah dan jumlah pendaftaran pelajar dari tahun 1906 sehingga tahun 1935. Selain pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah, pentadbiran Amerika Syarikat juga memberi galakan kepada rakyat Filipina untuk mendapat pendidikan lanjutan secara percuma di peringkat sekolah menengah.

Jadual 1: Jumlah sekolah dan pelajar yang mendaftar pada tahun 1906 dan tahun 1935

	1906	1935
Jumlah Sekolah Rendah	3342	7766
Jumlah Pelajar Yang Mendaftar	365 530	1 173 587

Sumber: Casambre, ‘The impact of American education’, hlm. 8.

Impak pendidikan Amerika Syarikat di Filipina ternyata bukan terletak pada dasar pendidikan percuma dan pembinaan sekolah-sekolah sahaja. Pendidikan juga dilihat sebagai satu alat ‘Amerikanisasi’ berdasarkan ulasan oleh sejarawan-sejarawan Filipina selepas negara tersebut merdeka pada tahun 1946. Hal ini boleh dilihat melalui kesan daripada kerangka dan matlamat pendidikan tersebut setelah rakyat Filipina diberi kebebasan untuk membina negara sendiri. Diketengahkan di sini ialah analisis dan kritikan Renato Constantino, yang tidak gentar untuk menyatakan masalah-masalah yang dihadapi Filipina akibat daripada pendekatan yang digunakan oleh Amerika Syarikat.

Kemelut bangsa Filipina: Constantino dan Permasalahan Konflik Jati Diri

Persoalan mengenai apakah erti dan ciri-ciri bangsa ialah satu persoalan yang boleh membingkas permasalahan bangsa itu sendiri. Menurut Patricio N. Abinales dan Donna J. Amoroso, Filipina dibelenggu kerumitan kerana pengertian bangsa yang berpadu dan berkongsi identiti atau jati diri secara muafakat, dan permasalahan ini masih belum menemui penyelesaiannya. Apa yang difahamkan sebagai ‘bangsa Filipina’ sebenarnya terdiri daripada pecahan mazhab yang mempunyai matlamat berbeza dalam membangunkan negara.²⁴

Constantino mengaitkan perkara ini dengan “pemahaman yang terlalu asas tentang erti bangsa, dan hanya boleh dilihat ketika upacara sukan dan pertandingan ratu cantik antarabangsa”.²⁵ Konsep bangsa yang dijajah pula, menurut Frederick Cooper dan Ann Laura Stoler, difahamkan sebagai satu entiti yang tidak stabil dan mampu mengubah pengertian dan matlamat bangsa itu dengan sendirinya. Hujah Cooper dan Stoler lagi, amat penting bagi kuasa kolonial untuk mengetengahkan satu mekanisme yang boleh mengawal dan mengurangkan risiko untuk bangsa itu melakar maksud jati dirinya, dan boleh terpisah daripada landasan yang dibina oleh kuasa kolonial untuk mengutuhkan pegangan mereka.²⁶ Ini mengaitkan isu bangsa dengan nekad Amerika Syarikat dalam memastikan pendidikan yang ditawarkan kepada Filipina adalah percuma dan diberikan kepada semua lapisan masyarakat dan bukan golongan elit sahaja.

Constantino banyak mengulas tentang dilema bangsa Filipina terutama dalam memaknakan ‘bangsa’. Beliau memberikan hujan yang kritikal mengenai tanggungjawab seseorang individu untuk membangunkan bangsa. Beliau berpendapat bahawa punca kepincangan pemikiran dan kesedaran masyarakat Filipina terhadap bangsa dan identiti bermula dengan pendidikan. Oleh sebab terlalu lama dijajah, dari zaman Sepanyol pada abad ke-16 sehingga kemerdekaan dari Amerika Syarikat pada tahun 1946, Constantino menyatakan bahawa kesedaran bangsa masih banyak berkisar kepada kesedaran asing, iaitu kesedaran yang dibentuk oleh pemikiran dan nilai-nilai kolonial. Oleh itu, proses dekolonialisasi kesedaran perlu bermula dengan pendidikan.²⁷

Mengulas tentang pendidikan Filipina dengan bersandarkan kritikan dan ulasan Constantino mampu memberi perspektif baharu dalam menganalisis masalah pembentukan bangsa di Filipina dan juga masalah bangsa-bangsa lain yang pernah dijajah. Antara kupasan yang diketengahkan Constantino ialah kehilangan rasa pertalian antara saudara sebangsa, kemunculan golongan elit yang tidak mampu mendalami keluhan rakyat biasa dan pelaksanaan demokrasi yang tercemar. Pendekatan Constantino agak berbeza daripada sejarawan dan golongan intelek lain pada zaman beliau. Sebagai contoh, dalam penulisan Teodoro A. Agoncillo dalam *Introduction to Philippine History*, beliau memaparkan Amerika Syarikat sebagai kuasa penyelamat yang berjaya membawa Filipina dari kegelapan zaman Sepanyol ke era moden yang lebih intelektual dan maju.²⁸ Manakala sejarawan Gregorio dan anaknya Sonia M. Zaide merakamkan penjajahan Amerika Syarikat sebagai satu revolusi jika dibandingkan dengan penjajahan Eropah, terutama sekali Belanda dan British, yang mana asimilasi Amerika Syarikat bersifat lebih progresif dan penuh kemanusiaan. Ini jelas sekali dalam buku mereka *History of the Republic of the Philippines*:

“Tidak seperti Britain dan Belanda serta kuasa imperialis yang lain, Amerika mengamalkan dasar kolonial yang lebih berkemanusiaan, memberi rakyat Filipina kebebasan untuk membentuk kerajaan sendiri dan melatih serta mendidik mereka tentang erti demokrasi.”²⁹

Contoh-contoh ini menunjukkan kejayaan Amerika Syarikat dalam memupuk semangat kesetiaan walaupun selepas merdeka. Ini menguatkan lagi pentingnya untuk mendalami analisis dari perspektif kontroversi oleh Constantino untuk menilai sejauh mana pendidikan yang diterajui Amerika Syarikat diantara 1901 sehingga 1935 dalam mengubah dasar pemikiran bangsa Filipina.

Kesetiaan kepada Amerika Syarikat

Matlamat utama pengenalan sistem pendidikan Amerika Syarikat di Filipina adalah untuk membawa penduduk Filipina keluar dari era kegelapan zaman penjajahan Sepanyol.³⁰ Selain itu, pendidikan juga sebagai medium pengantaraan antara pentadbir Amerika Syarikat dan penduduk Filipina. Dijelaskan dalam laporan tahunan Suruhanjaya Filipina bahawa pendidikan adalah satu-satunya cara untuk mengeluarkan penduduk Filipina dari masalah kemiskinan dan kemunduran.³¹ Namun, Constantino menegaskan bahawa di sebalik kemuliaan Amerika Syarikat ini, terdapat muslihat lain yang membawa kesan negatif yang berlarutan dan menjadi semakin kritikal sepanjang zaman pentadbiran Amerika Syarikat, malah masih kelihatan selepas merdeka. Yang paling utama ialah kesetiaan dan pemujaan kepada Amerika Syarikat. Tujuan sebenar pendidikan adalah untuk menerapkan semangat cinta akan budaya, nilai-nilai dan entiti politik Amerika Syarikat itu sendiri. Amerika Syarikat seharusnya dilihat sebagai penyelamat dan pembimbing, bukan penjajah. Ini selari dengan polisi pengecualian Amerika Syarikat yang diamalkan untuk membuktikan bahawa mereka tidak sama dengan kuasa kolonial Eropah yang lain. Amerika Syarikat menjanjikan kemerdekaan kepada Filipina pada awal era pentadbiran dan memastikan bahawa tempoh mereka memerintah digunakan untuk menyemai secukup-cukupnya kepercayaan terhadap Amerika Syarikat.³²

Hujah Constantino lagi, konsep kenegaraan yang dicapai setelah merdeka banyak diselaraskan dengan corak pemikiran dan kesedaran politik Amerika. Contohnya, paparan identiti kepelbagaian etnik tidak digalakkan, sebaliknya perlu mengikut identiti bangsa Filipina yang diterapkan dalam sistem pendidikan oleh Amerika Syarikat. Ini termasuk penggunaan berbahasa Inggeris dan bahasa Tagalog, mengamati nilai-nilai nasionalisme Amerika mengenai kebebasan dan kesamarataan dan memuja Amerika Syarikat. Kata-kata Constantino untuk menggambarkan situasi tersebut adalah: “Generasi Filipino baru belajar gaya hidup orang Amerika dan wira Amerika, menyanyi lagu dari Amerika dan bermimpi tentang salju dan Santa Claus.”³³

Sekolah-sekolah di zaman Amerika tidak menitikberatkan pembelajaran tentang konsep nasionalisme dan patriotisme walaupun dijanjikan oleh Amerika Syarikat bahawa mereka akan “membimbing” Filipina untuk mencapai status negara moden dan maju serta memberi ilmu dan kemahiran membangunkan negara. Seperti yang dinyatakan oleh Constantino, tiada keikhlasan dalam dasar mulia Amerika Syarikat dalam pendidikan. Malah, zaman pascakemerdekaan juga dibebani masalah pemujaan kepada Amerika Syarikat. Kurikulum sekolah menekankan penghafalan fakta sejarah yang tidak menitikberatkan pengasasan pemikiran kritikal terhadap sejarah zaman kolonial. Bagi Constantino, rakyat Filipina mudah meromantiskan hubungan dengan Amerika Syarikat dan melupakan kekejaman yang berlaku sewaktu peperangan Filipina-Amerika Syarikat (1899-1902). Golongan pemerintah pula banyak meletakkan harapan terhadap Amerika Syarikat untuk membantu mereka dari segi ekonomi dan hubungan diplomatik. Pemerhatian Constantino ini dibuktikan dengan kewujudan landasan tentera Amerika Syarikat di Filipina yang masih ada sehingga hari ini.³⁴

Defilipinization

Mengikut Constantino, bangsa Filipina mempunyai dua kesedaran. Pertama, yang dibentuk daripada perperangan revolusi Filipina dan yang kedua, yang dibentuk oleh penjajah.³⁵ Beliau menghuraikan lagi, walaupun bangsa Filipina telah berjuang untuk mendapatkan kebebasan, mereka tiada kefahaman mendalam tentang perkara yang diperlukan untuk membina dan membangunkan ‘bangsa’ mereka. Yang difahami daripada konflik ini ialah mendapat kemerdekaan kerana wujudnya sentimen persaudaraan dan kesamarataan hak yang disebarluaskan oleh golongan elit *ilustrado*. Walaupun falsafah perjuangan *ilustrado* ideal, namun Constantino mendapati ia satu kefahaman yang membina jurang antara rakyat biasa dan golongan pemerintah elit.

Hal ini demikian kerana identiti bangsa Filipina dibina bersandarkan pendidikan kolonial. *Ilustrado* muncul daripada kemelut kemerdekaan dengan Sepanyol, manakala golongan elit pelapis *ilustrado* dibentuk oleh pendidikan Amerika Syarikat. Pemerintah serta pemegang ekonomi dan politik Filipina ialah waris kepada budaya pendidikan Amerika Syarikat. Menurut Constantino mereka terlalu diamerikanisasi sehingga gagal mendalami erti jati diri Filipina yang sebenar dan tidak menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menggulati masalah golongan bawahan, terutama sekali mereka yang tidak fasih berbahasa Tagalog.³⁶ Ini dinamakan sebagai *Defilipinization* atau kelunturan jati diri kerana tiada kesefahaman.³⁷

Kewujudan jurang antara golongan yang dalam kelas berbeza boleh dikesan melalui sistem pendidikan Amerika Syarikat. Pada asasnya, Amerika Syarikat memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua. Tiada bayaran dikenakan demi memastikan semua lapisan rakyat Filipina mampu ke sekolah. Malangnya, seperti yang diterangkan di atas, kurikulum yang menekankan pemahaman bahasa Inggeris dan bercorak akademik tidak dianggap penting oleh semua golongan. Masih ramai yang ragu-ragu atau berwaspada terhadap Amerika Syarikat. Ramai juga yang datang daripada latar belakang masyarakat petani atau mencari hasil hutan. Bagi mereka menghantar anak ke sekolah bukanlah satu pilihan yang sesuai. Menurut memo pengarah Biro Suku Kaum Bukan Kristian, Jose G. Sanvictores kepada Gabenor-general Leonard Wood pada tahun 1922, walaupun pendaftaran kanak-kanak ke sekolah meningkat, namun jumlah kedatangan mereka amat mengecewakan.³⁸ Hal ini demikian kerana suku kaum bukan Kristian kebanyakannya tidak tinggal di kawasan bandar atau pekan-pekan dan amat bergantung pada industri seperti pertanian dan perikanan. Oleh sebab sebahagian daripada rakyat Filipina tidak ke sekolah, lalu tidak dapat menguasai bahasa Inggeris, justeru ramai yang ketinggalan pada saat negara sedang membangun. Akhirnya, golongan elit menguasai politik kerana perjawatan awam dikawal oleh mereka yang berpendidikan tinggi dan boleh berbahasa Inggeris. Kesannya, wujudlah jurang yang sangat ketara antara pemimpin dan rakyat.³⁹

Penghalang kepada Demokrasi yang Telus

Oleh sebab masalah jurang antara golongan elit dan golongan kelas bawahan, Constantino berpendapat bahawa demokrasi yang diamalkan adalah tidak telus. Sebab utama yang diberikan adalah isu bahasa. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar dalam banyak hal mengenai pentadbiran dan di media-media. Selain itu, bahasa Tagalog selaku bahasa kebangsaan juga masih digunakan. Namun demikian, Filipina ialah satu negara yang mempunyai demografi yang kompleks dan pelbagai. Pada tahun 1960-an dan 1970-an, masih

banyak kawasan-kawasan yang didiami oleh suku kaum yang lebih fasih menggunakan bahasa atau dialek setempat dan tidak begitu biasa menggunakan bahasa Tagalog. Dengan penekanan terhadap Bahasa Inggeris, banyak isu yang disampaikan oleh media hanya difahami oleh segelintir masyarakat sahaja. Menyentuh perkara ini, Constantino mencatat:

“Sekarang kita mempunyai segelintir rakyat yang fasih berbahasa Inggeris, satu golongan yang lebih besar yang hanya memahami Inggeris secara asas dan tidak begitu fasih, dan golongan paling majoriti adalah terdiri daripada kita yang tidak boleh langsung menggunakan bahasa ini... Hasilnya adalah pucuk kepimpinan yang gagal memahami rakyat kerana pemimpin hanya boleh berkomunikasi dengan semua lapisan rakyat menggunakan bahasa yang tidak jelas dan diputarbelitkan.”⁴⁰

Antara kumpulan yang terjejas hak mereka kerana isu bahasa ialah penduduk di kawasan pedalaman di Cordillera dan di kepulauan Sulu dan Mindanao. Mereka tidak dapat mengamati hujah dan pelan kerajaan malah tidak merasakan kewujudan mereka penting dalam pembentukan negara. Menurut penulis pada era pascakemerdekaan Filipina, M.U. Dandan, golongan Muslim di Mindanao contohnya berasa terasing dari skop dan erti ‘bangsa Filipina’ serta lebih kuat membina persaudaraan sesama mereka.⁴¹

Kitaran ketidaksamarataan ini dipanjangkan lagi dengan penawaran kursus di universiti yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Golongan cerdik pandai dan pemerintah terhasil daripada pendidikan tinggi, secara langsung mewujudkan bangsa Filipina yang berkelayakan dan berpendidikan. Ramai antara mereka meneruskan pelajaran di Amerika Syarikat, manakala golongan yang ketinggalan dalam arus perubahan dibawa oleh Amerika Syarikat terus terjejas kerana kemiskinan.⁴²

Pelestarian Identiti dan Pendidikan

Pelestarian identiti dan pendidikan sukar untuk dicapai apabila masyarakat tidak mempunyai kesepakatan dalam memaknakan apa itu bangsa dan apakah relevannya jati diri dalam pembangunan negara. Ini adalah fenomena yang sering kali menghantui negara “baru” yang baru mencapai kemerdekaan dan sedang berada di persimpangan antara kesedaran asing yang dibawa kuasa kolonial dan kesedaran yang ingin dibina sendiri bersandarkan nilai-nilai dan budaya negara itu sendiri.⁴³ Sebagai pengasah pemikiran rakyat dan pembentuk kesedaran jati diri bangsa, pendidikan pada era pascakemerdekaan perlu mengetengahkan kesefahaman dan pemikiran kritikal dalam kalangan masyarakat. Ini adalah inti pati hujah Constantino yang dahulunya dianggap sebagai satu ancaman, terutama sekali pada era pascakemerdekaan, terutam sekali terhadap kerajaan Ferdinand Marcos. Constantino dipandang sebagai satu ancaman terhadap propaganda ‘bangsa’ Filipina yang berasaskan Amerikanisasi yang dibawa Marcos.

Penulisan ini ingin membawa persoalan tentang relevannya hujah-hujah Constantino jika dikaji dari sudut sejarah sistem pendidikan Amerika Syarikat. Isu jati diri boleh dirungkai dengan lebih terperinci sebagai isu ‘defilipinization’ atau kehilangan makna Filipina, kesetiaan secara tidak langsung kepada kuasa penjajah dan matlamat demokrasi yang tidak tercapai. Teras dalam perbincangan ini ialah masalah-masalah yang boleh mengaitkan dengan jelas sekali hubungan antara implikasi sistem pendidikan kolonial dengan kemiskinan beberapa

golongan masyarakat Filipina. Asimilasi yang disebut-sebutkan oleh Amerika Syarikat gagal memberikan peluang dan kepentingan pendidikan kepada semua. Dapat dilihat sehingga zaman Constantino malah sehingga hari ini pun, wujud jurang antara golongan elit yang boleh berbahasa Inggeris dan golongan yang terpinggir dari arus pemodenan. Wajar untuk dipertanyakan di sini, sejauh manakah keberkesanan atau ketelusan demokrasi, jika pemahaman konsep-konsep kenegaraan atau yang paling asas pun tidak difahami oleh pemimpin-pemimpin tertinggi, berdasarkan ucapan-ucapan mereka. Kesimpulannya, masalah bahasa ialah masalah paling rumit dalam isu pelestarian pendidikan dan bangsa.

Kesimpulan

Jadi, apa yang boleh dirumuskan sebagai penyelesaian yang wajar? Apakah pengajaran yang boleh kita pelajari daripada Filipina? Adakah ia satu refleksi yang bersesuaian bagi negara-negara Asia Tenggara lain atau mana-mana negara bekas jajahan Eropah yang lain? Constantino tegas berpesan bahawa “*pendidikan untuk Filipino mestilah dari pendidikan bangsa Filipina*”.⁴⁴ Beliau meletakkan nilai-nilai bangsa sebagai kayu ukur dan pembimbing hala tuju pendidikan. Apa yang pernah disarankan kuasa kolonial tidak perlu ditekankan kerana ia tidak mencapai objektif pembangunan negara.

Secara umumnya, penulisan Constantino adalah cerminan kepada satu fenomena pascakolonialisasi dalam penulisan sejarah dan betapa pentingnya refleksi dilakukan dalam pembangunan bangsa. Jurang yang terhasil terutamanya daripada proses pembangunan Amerika Syarikat perlu dianalisis menerusi pelbagai aspek supaya konsep kemerdekaan dapat dinilai secara menyeluruh. “Merdeka” bukan satu fenomena universal yang boleh diaplikasikan kepada semua lapisan masyarakat. Pengalaman kolonialisasi dalam kerangka nasional sendiri boleh dipecahkan berpandukan definisi bangsa oleh kumpulan-kumpulan dalam bangsa itu sendiri, dari sudut kelas atau kaum. Pemikiran kritikal yang berkali-kali ditekankan oleh Constantino boleh diinterpretasikan sebagai racun kepada semangat kesatuan dan perpaduan, atau permulaan kepada proses dekolonialisasi yang komprehensif.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Sejarah Universiti Malaya atas bimbingan dalam menghasilkan penulisan ini. Penulis juga berterima kasih dengan pihak Universiti Filipina Diliman untuk sumber rujukan primer kajian ini.

Biodata

* Nur Dayana Mohamed Ariffin (ndayana@um.edu.my) adalah seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Beliau menerima sarjana kedoktoran dari University of Edinburgh, UK dalam bidang sejarah sains, dengan kajian tertumpu pada sains kolonial Amerika Syarikat di Filipina. Bidang kajian beliau kini merangkumi kajian isu perkauman, sains dan teknologi kolonial, pembentukan identiti dan negara pascamerdeka di Asia Tenggara.

Received: 21 September 2022

Reviewed: 27 September 2022

Accepted: 7 Disember 2022

Nota

- ¹ Gregorio F. Zaide & Sonia M. Zaide, *History of the Republic of the Philippines*, Manila: National Bookstores Inc, 1987, hlm. 64-65; Teodoro Agoncillo, *Introduction to Filipino History*, Quezon City: R.P. Garcia Pub, 1985, hlm. 5.
- ² Roland G. Simbulan, “Renato Constantino: The centennial Filipino scholar 1919-1999”, *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 30, No. 3, 2000, hlm. 405.
- ³ Ibid.
- ⁴ Francisco Jayme Paolo A. Guiang, 100 years of nationalist: Renato Constantino as social critic and public intellectual, *Business World*, 7 Mac 2019. <https://www.bworldonline.com/100-years-of-a-nationalist-renato-constantino-as-social-critic-and-public-intellectual/> [akses pada 13hb Januari 2020].
- ⁵ Artikel pertama diterbitkan dalam jilid 1, no. 1 jurnal tersebut dan diterbitkan semula oleh jurnal yang sama pada tahun 2000 dalam jilid 30, no. 3: 428-444. Manakala artikel kedua diterbitkan dalam jilid 6, no. 2: 129-147.
- ⁶ Zaide & Zaide, *History of the Republic of the Philippines*, hlm. 64-5.
- ⁷ Patricio N. Abinales & Donna J. Amoroso, *State and Society in the Philippines*, Pasig City, Philippines: Anvil Publishing , 2005, hlm. 53-60; hlm. 68-70.
- ⁸ Warwick Anderson, “Science in the Philippines”, *Philippines Studies*, Vol. 55, No. 3, 2005, 287-378, hlm. 298.
- ⁹ Paul A. Kramer, *The blood of government: Race, empire, the United States and the Philippines*, Chapel Hill: The University of California Press, 2006, hlm. 42-44.
- ¹⁰ Zaide & Zaide, *History of the Republic*, hlm. 2-5; Nur Dayana Mohamed Ariffin, *Race Manifest: Colonial Administration and Racialisation in Nusantara*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2022, hlm. 19-22.
- ¹¹ Pengakuan Presiden McKinley dibuat di hadapan delegasi Metodis pada tahun 1903, dari H. de la Costa, *Readings in Philippines history*, Manila, Cebu, Makati: Bookmark Inc. 1965, hlm. 250.
- ¹² Gloria Cano, ‘Le Roy’s “The Americans in the Philippines” and the history of Spanish rule in the Philippines’, *PSHEV*, Vol. 61, No. 1, 2013, 3-44, hlm. 18-19; Anderson, ‘Science in the Philippines’, hlm. 299.
- ¹³ Joseph Hayden Ralston, *The Philippines: A Study in National Development*, New York: MacMillan Co., 1947, hlm. 11-12.
- ¹⁴ Pedro Cabán, *Constructing colonial people: Puerto Rico and the United States, 1898-1932*, Colorado, United States: Westview Press, 1999, hlm. 124; Annick Cizel, “Nation-building in the Philippines: Rooseveltian statecraft for imperial modernization in an emergent Transatlantic world order”, *Diplomacy and Statecraft*, Vol. 19, No. 4, 2008, hlm. 690- 711.
- ¹⁵ *Reports of the Philippine Commission 1901-1903*, Washington: Bureau of Print, 1904, hlm. 121.
- ¹⁶ Napoleon Casambre, “The impact of American education in the Philippines”, *Educational Perspectives*, Vol. 21, No. 4, 1982, hlm .7-14.
- ¹⁷ Casambre, ‘The impact of American education’, hlm. 8.
- ¹⁸ *Reports of the Philippine Commission 1901-1903*, hlm. 561.
- ¹⁹ Constantino, ‘The mis-education of the Filipino’, hlm. 430.
- ²⁰ John Eaton, “Education in the Philippines”, *The Journal of Education*, Vol. 55, No. 4 (1363), 1902, hlm. 62-3.
- ²¹ Ibid.
- ²² Casambre, The impact of American education. <https://www.up.edu.ph/index.php/about-up/university-history/> [akses pada 15hb Januari 2020].
- ²³ Casambre, ‘The impact of American education’, hlm. 8.
- ²⁴ Abinales & Amoroso, *State and Society in the Philippines*, hlm. 2.
- ²⁵ Constantino, ‘Identity and Consciousness’, hlm. 143.
- ²⁶ Frederick Cooper & Ann Laura Stoler, *Tensions of Empire: Colonial Cultures in a Bourgeois World*, Berkeley: University of California Press, 2009, hlm. 1-2.
- ²⁷ Constantino, “Identity and Consciousness”, hlm. 135; Constantino, “Mis-education”, hlm. 436.
- ²⁸ Agoncillo, *Introduction to Philippine History*, hlm. 160-86.
- ²⁹ Zaide & Zaide, *History of the Republic of the Philippines* (Manila: National Bookstore Inc., 1987), hlm. 277.
- ³⁰ *Reports of the Philippine Commission 1901-1903*, hlm. 123.
- ³¹ Ibid, hlm. 124.
- ³² Constantino, ‘Mis-education’, hlm. 432.
- ³³ Ibid, hlm. 433.
- ³⁴ Insert reference
- ³⁵ Constantino, ‘Identity and consciousness’, hlm. 132.
- ³⁶ Constantino, ‘Mis-education’, hlm. 429; Ben S. Malayang III, ‘Tenure rights and ancestral domains in the Philippines: A study in the roots of conflict’, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, The Philippines Historical and Social Studies, 157, No.3, 2001, hlm. 661-676.
- ³⁷ Constantino, ‘Mis-education’, hlm. 429.

- ³⁸ Memo Jose G. Sanvictores kepada Gabenor-general Leonard Wood, (9 Jun 1922). PPMS26/2/5 Fail 36-38. Koleksi Ifor B. Powell dari Perpustakaan SOAS. Rujuk juga Ralston, *The Philippines*, hlm. 499- 500.
- ³⁹ Malayang III, ‘Tenure rights and ancestral domains’, hlm. 663; Ariffin, *Race Manifest*, hlm. 117.
- ⁴⁰ Constantino, ‘Mis-education’, hlm. 439.
- ⁴¹ M.U. Dandan, ‘The Moro problem in the Philippines’, Far Eastern Economic Review, (21 April 1955), pp. 500-1. PPMS 26/2/5, Fail 36-38. Koleksi Ifor B. Powell dari Perpustakaan SOAS.
- ⁴² Constantino, ‘Mis-education’, hlm. 437.
- ⁴³ Ariffin, *Race Manifest*, hlm. 125-7; Abdul Rahman Embong and Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, *Negara-Bangsa : Proses Dan Perbaahan*, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, 2015, hlm. 25-30.
- ⁴⁴ Constantino, ‘Mis-education’, p. 443.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong, *Negara-Bangsa : Proses Dan Perbaahan*. Bangi, Selangor Darul Ehsan, 2015.
- Abinales, Patricio N, and Donna J Amoroso, *State and Society in the Philippines*, Pasig City, Philippines: Anvil Publishing, 2005.
- Agoncillo, Teodoro A, *Introduction to Filipino History*. Quezon City, Philippines: Garotech, 1985.
- Anderson, Warwick, “Science in the Philippines”, *Philippine Studies*, Vol. 55, No. 3, 2005, hlm. 287–378.
- Caban, Pedro A. *Constructing Colonial People: Puerto Rico and the United States, 1898-1932*. Colorado, USA: Westview Press, 1999.
- Cano, Glòria., “LeRoy’s ‘the Americans in the Philippines’ and the History of Spanish Rule in the Philippines”, *Philippine Studies: Historical and Ethnographic Viewpoints*, Vol. 61, no. 1 (2013): 3–44. <https://doi.org/10.1353/phs.2013.0004>.
- Casambre, Napoleon, “The Impact of American Education in the Philippines”, *Educational Perspectives*, Vol. 21, No. 4, 1982, hlm. 7–14.
- Cizel, Annick., “Nation-Building in the Philippines: Rooseveltian Statecraft for Imperial Modernization in an Emergent Transatlantic World Order”, *Diplomacy & Statecraft*, Vol. 19, No. 4, December 16, 2008, hlm. 690–711.
- Constantino, Renato., “Identity and Consciousness: The Philippine Experience”, *Journal of Contemporary Asia* Vol. 6, No. 1, January 1976, hlm. 5–28.
- Cooper, Frederick, and Ann Laura Stoler, *Tensions of Empire Colonial Cultures in a Bourgeois World*, University of California Press, 2009.
- Costa, H. de la, *Readings in Philippines History*, Manila, Cebu, Makati: Bookmark Inc., 1965.
- Eaton, John, “Education in the Philippines”, *The Journal of Education*, Vol. 55, No. 4, 1902, hlm. 62–63.
- Guiang, Francisco Jayme Paolo A, “100 Years of a Nationalist: Renato Constantino as Social Critic and Public Intellectual”, BusinessWorld, March 7, 2019. <https://www.bworldonline.com/100-years-of-a-nationalist-renato-constantino-as-social-critic-and-public-intellectual/>.
- Kramer, Paul A., *The Blood of Government : Race, Empire, the United States, & the Philippines*, Chapel Hill: University of North Carolina Press, 2006.
- Malayang III, Ben S., “Tenure Rights and Ancestral Domains in the Philippines, A Study of the Roots of Conflict”, *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde / Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, Vol. 157, No. 3, 2001, hlm. 661–676. <https://doi.org/10.1163/22134379-90003805>.
- Memo. Jose G. Savinctores to Gabenor-General Leonard Wood, PPMS26/2/5, Fail 36-38, Ifor B. Powell Collection, SOAS Library, 9 Jun 1922.

- M.U. Dandan, “The Moro problem in the Philippines”, *Far Eastern Economic Review*, 21 April 1955, pp. 500-501. PPMS 26/2/5, Fail 36-38. Ifor B. Powell Collection, SOAS Library.
- Nur Dayana Mohamed Ariffin, *Race Manifest: Colonial Administration and Racialisation in Nusantara*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2022.
- Ralston, J.H., *The Philippines: A Study in National Development*, New York: MacMillan Co., 1947.
- Simbulan, Roland G. “Renato Constantino: The Centennial Filipino Scholar 1919-1999”, *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 30, No. 3, 2000, 405–409.
- The Government of the United States. “Reports of the Philippine Commission 1901-1903.” Washington DC: Bureau of Print, 1904.
- , “The Mis-Education of the Filipino.” *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 1, No. 1, January 1970, hlm. 20–36. <https://doi.org/10.1080/00472337085390031>.
- University of the Philippines, University History. <https://www.up.edu.ph/index.php/about-up/university-history/> [Akses pada 21 September 2022].
- Zaide, Gregorio F., and Sonia M. Zaide, *History of the Republic of the Philippines (College Edition)*, Metro Manila: National Book Store, 1987.